

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01 APRIL 2017

# KL tak putus- hubungan dengan Pyongyang: PM

BH-114/2017

➔ Korea Utara  
perlu hormati  
Malaysia sebagai  
sebuah negara  
berdaulat

**Daripada M Thillinadan  
di Chennai**  
thilly@bh.com.my

**M**alaysia tidak akan mem-  
utusan hubungan diploma-  
tik dengan Korea Utara, ka-  
ta Datuk Seri Najib Razak.

Bagaimanapun, Perdana Menteri  
berharap Korea Utara menghormati  
Malaysia sebagai negara berdaulat dan  
jangan mengulangi tindakan yang bo-  
leh memudaratkan hubungan.

Katanya, keputusan itu diambil se-  
lepas dua objektif ditetapkan kera-  
jaan berjaya dicapai dalam rundin-  
gan diadakan dengan Korea Utara.

Objektif itu ialah memastikan se-  
mula sembilan rakyat Malaysia yang  
terperangkap di Korea Utara diben-  
arkan pulang dengan selamat dan  
menghormati Malaysia sebagai se-  
buah negara berdaulat.

"Alhamdulillah, semua rakyat kita  
sudah pulang dengan selamat," ka-  
tanya pada sidang media selepas men-  
gakhiri lawatan dua hari ke Tamil  
Nadu, semalam.

## **Tunai semua tuntutan**

Perdana Menteri turut mengakui rundin-  
gan berlanjutan lama kerana pel-  
bagai tuntutan dibuat Korea Utara.

"Banyak syarat dikenakan mereka.  
Bila sudah setuju sesuatu hari ini,  
esok dia buat tuntutan lain dengan  
macam-macam syarat. Malah, me-  
reka buat panggilan kepada pasukan  
rundingan kita jam 3 pagi.

"Bagaimanapun, akhirnya mereka

setuju tunaikan semua tuntutan ki-  
ta," katanya.

Ditanya sama ada beliau turut ter-  
babit dalam rundingan itu, Najib  
berkata, beliau tidak terbabit dalam  
rundingan namun sentiasa menda-  
pat maklumat terkini.

Mengenai masa depan hubungan  
Malaysia-Korea Utara, Perdana Men-  
teri berkata Malaysia berpegang ke-  
pada norma diplomasi dan Konven-  
syen Vienna.

## **Bertindak ikut undang-undang**

Sementara itu, di **Subang Jaya**, Ketua  
Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar,  
berkata penyerahan mayat Kim Jong-  
nam kepada Kerajaan Korea Utara,  
dibuat mengikut peruntukan undang-  
undang, selain permohonan daripada  
ahli keluarga yang meminta mayat  
diserahkan kepada republik itu.

Katanya, berdasarkan peruntukan  
undang-undang, mayat Jong-nam bo-  
leh diserahkan kepada saudara ter-  
dekat, iaitu pemimpin tertinggi Ko-  
rea Utara, Kim Jong-un.

"Kami bertindak secara profesio-  
nal mengikut peruntukan undang-  
undang dan mengembalikan mayat  
kepada keluarga terdekat," katanya  
di sini, semalam.

Khalid juga mengesahkan tiga rak-  
yat Korea Utara yang sebelum di-  
panggil polis bagi membantu sia-  
satan kes pembunuhan itu, mening-  
galkan negara ini, kelmarin.

Mereka ialah Setiausaha Kedua KE-  
dutaan Korea Utara, Hyon Kwang-song,  
44; pekerja Air Koryo, Kim Ukil, 37, dan  
Ri Ji-u, 30, juga dikenali sebagai James.

Beliau berkata, pasukan penyiasat  
akan terus meminta Korea Utara  
untuk menyerahkan empat suspek  
warga republik itu yang meninggal-  
kan negara ini sejak 13 Februari lalu  
kerana disyaki terbabit dalam ran-  
cangan pembunuhan Jong-nam.

Mereka ialah Rhi Ji-hyon, 33; Hong  
Song-hac, 34; O Jong-gil, 55, dan Ri  
Jae-nam, 57, yang kini dipercayai  
berada di Pyongyang.



Keputusan diambil selepas dua objektif  
ditetapkan kerajaan berjaya dicapai  
dalam rundingan dengan Korea Utara"

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri